

08/02/2005

Mohd Azlan pengerusi baru Proton

PROTON Holdings Bhd (Proton) mengumumkan pelantikan Datuk Mohd Azlan Hashim sebagai pengerusi baru syarikat itu menggantikan Datuk Abu Hassan Kendut.

Pelantikan bekas Pengerusi Eksekutif Bursa Malaysia itu dibuat selepas lembaga pengarah syarikat berkenaan bermesyuarat semalam. Pelantikan Mohd Azlan dan peletakan jawatan Abu Hassan berkuat kuasa semalam.

Mohd Azlan berkata, beliau berbesar hati dengan pelantikan itu dan berterima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi serta lembaga pengarah Khazanah Nasional Bhd (Khazanah Nasional) atas kepercayaan yang diberikan.

Beliau juga memberi jaminan akan bekerjasama dengan ahli lembaga pengarah lain, pengurusan kanan dan kerajaan untuk mencapai matlamat korporat dan tanggungjawab syarikat nasional penting itu.

"Dengan mengambil kira cabaran getir yang dihadapi industri (automotif) di peringkat domestik dan global, saya akan mengambil segala langkah perlu bagi memastikan Proton terus diperkukuhkan dan memperbaiki kedudukannya secara berterusan.

"Dan sebahagian proses itu, kami akan berunding dengan pelbagai pihak berkaitan bagi mendapatkan input, pandangan dan nasihat," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan Proton semalam.

Pengurusan kanan dan kakitangan Kumpulan Proton turut mengucapkan tahniah atas pelantikan Mohd Azlan dan berharap kepimpinan serta tunjuk ajar beliau dapat membantu Proton menghadapi cabaran dalam persekitaran perniagaan yang semakin berdaya saing.

Sebuah akhbar asing baru-baru ini melaporkan Abu Hassan meletakkan jawatannya berikutan campur tangan bekas Perdana Menteri yang juga Penasihat Proton, Tun Dr Mahathir Mohamad dalam pengurusan Proton.

Dr Mahathir kelmarin menafikan beliau campur tangan dalam urusan pentadbiran Proton sehingga mendorong peletakan jawatan Abu Hassan.

(END) Source : Berita Harian